

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Nota Penting: Produk ini ditaja jamin oleh Hong Leong Assurance Berhad, sebuah syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Sila rujuk sijil jaminan atau polisi induk (daripada perantara jualan anda) untuk definisi istilah yang huruf besar.

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat utama mengenai insurans hayat anda. Pelanggan lain telah membaca Risalah Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda juga digalakkan untuk membaca Risalah Pendedahan Produk ini.**

1 Apakah Hong Leong Credit Shield Premier?

Hong Leong Credit Shield Premier ialah polisi berkumpulan bertempoh tanpa penyertaan yang menawarkan perlindungan insurans sama ada untuk kematian, Hilang Keupayaan Menyeluruh dan Kekal (TPD), atau Hilang Keupayaan Menyeluruh Sementara (TTD) secara bulanan dengan perlindungan boleh diperbaharui sehingga umur 65 tahun.

Permohonan untuk produk ini hendaklah merangkumi semua kad kredit sedia ada Ahli Diinsuranskan dengan Hong Leong Bank Berhad. Selepas penerimaan permohonan, semua kad kredit berikutnya juga akan dilindungi secara automatik. Perlindungan bagi kad kredit berikutnya akan tertakluk kepada pengecualian yang sama seperti yang dinyatakan dalam Risalah Maklumat Produk, sijil jaminan, atau polisi induk. Untuk tujuan penjelasan, Tarikh Berkuatkuasa perlindungan insurans bagi setiap kad kredit berikutnya adalah tarikh pengaktifan kad tersebut.

2 Ketahui Perlindungan/Faedah Anda

Sebagai ilustrasi, dengan premium bulanan sebanyak **RM0.65** bagi setiap **RM100.00** daripada jumlah baki tertunggak seperti yang ditunjukkan dalam penyata kad kredit bulanan Hong Leong Bank Berhad anda, anda akan menerima **perlindungan/faedah** insurans hayat berikut. Perlindungan yang dinyatakan dalam jadual di bawah adalah untuk Ahli Diinsuranskan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

Faedah Kematian atau Faedah Hilang Keupayaan Menyeluruh dan Kekal (TPD)	<ul style="list-style-type: none">Sekiranya berlaku kejadian pertama sama ada untuk kematian atau TPD (sebelum mencapai umur 65 tahun), kami akan membayar Jumlah Diinsuranskan bersamaan dengan jumlah baki tertunggak akaun kad kredit pada tarikh kejadian, tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM100,000.00 bagi setiap Ahli Diinsuranskan yang mempunyai kad emas atau klasik secara kolektif oleh Ahli Diinsuranskan atau RM300,000.00 bagi setiap Ahli Diinsuranskan yang mempunyai kad platinum atau lebih tinggi secara kolektif oleh Ahli Diinsuranskan. Untuk tujuan penjelasan, sekiranya Ahli Diinsuranskan mempunyai lebih daripada satu jenis kad, had maksimum yang dikenakan adalah berdasarkan kad yang lebih tinggi yang dipunyai oleh Ahli Diinsuranskan hendaklah dikenakan.Kami akan membayar Faedah TPD berdasarkan peruntukan TPD dan Had Faedah TPD bagi Setiap Hayat sebanyak RM10,000,000.00.Selepas pembayaran Faedah TPD, kami akan mengurangkan Jumlah Diinsuranskan dengan sewajarnya. Kami akan membayar sebarang baki Jumlah Diinsuranskan sekiranya kematian berlaku dalam tempoh polisi.Kami akan menamatkan perlindungan insurans ini selepas kelulusan tuntutan TPD.Sekiranya berlaku kematian atau TPD semasa Ahli Diinsuranskan sedang mengalami Hilang Keupayaan Menyeluruh Sementara (TTD), Faedah Kematian atau Faedah TPD yang perlu dibayar adalah 20 kali ganda daripada Faedah TTD tolak sebarang Faedah TTD yang dibayar sehingga tarikh kematian atau TPD Ahli Diinsuranskan.
Faedah Hilang Keupayaan Menyeluruh Sementara (TTD)	<ul style="list-style-type: none">Sekiranya berlaku TTD (sebelum mencapai umur 65 tahun) selama sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut, kami akan membayar faedah bulanan bersamaan dengan 5% daripada jumlah baki tertunggak akaun kad kredit pada tarikh kejadian akibat TTD, tertakluk kepada jumlah maksimum RM5,000.00 bagi setiap Ahli Diinsuranskan yang mempunyai kad emas atau klasik atau RM15,000.00 bagi setiap Ahli Diinsuranskan yang mempunyai kad platinum atau lebih tinggi.Kami akan membayar faedah setiap bulan, dengan syarat Ahli Diinsuranskan terus mengalami TTD sehingga maksimum 20 bulan.Kami akan menamatkan perlindungan insurans ini selepas membuat 20 pembayaran faedah TTD ini.Kami akan mengecualikan bayaran premium sepanjang tempoh Ahli Diinsuranskan mengalami TTD, dengan pengecualian premium pertama bermula dari tarikh pengebilan pertama selepas kejadian akibat TTD.Pembayaran premium akan disambung semula pada tarikh pengebilan berikutnya pemulihan Ahli Diinsuranskan daripada TTD.

Sila rujuk Risalah Maklumat Produk, dan sijil jaminan atau polisi induk (daripada perantara jualan anda) untuk maklumat lanjut.

Insurans hayat anda **mengecualikan**:

- Bunuh diri – sekiranya kematian disebabkan oleh bunuh diri dalam tempoh **12** bulan dari Tarikh Berkuatkuasa.
- Kematian akibat sebab bukan kemalangan dalam tempoh **30** hari dari Tarikh Berkuatkuasa.
- TPD/TTD yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada sebarang kecederaan diri sendiri yang disengajakan, sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman.
- Ketidakupayaan yang menyebabkan tuntutan TPD atau TTD wujud pada Tarikh Berkuatkuasa.

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Anda mesti merujuk kepada Risalah Maklumat Produk, sijil jaminan atau polisi induk (daripada perantara jualan anda) untuk senarai penuh pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:



Hubungi kami di
03-7650 1288



Layari kami di:
<https://www.hla.com.my/ms/home.html>



E-mel kami di:
customerservice@hla.hongleong.com.my



Imbas kod QR untuk
Risalah Maklumat Produk

Risalah Pendedahan Produk ini mengandungi 2 muka surat dan setiap muka surat membentuk sebahagian daripada Risalah Pendedahan Produk. Bakal Pemunya polisi adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat yang tercetak pada setiap muka surat.

Version 1.0 – Kemas Kini 1 Jan 2026 – E&OE -

Level 3, Tower B, PJ City Development, No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A, 46100 Petaling Jaya, Malaysia.

Tel: 03 - 7650 1288 Laman Web: www.hla.com.my

3**Ketahui Tanggungjawab Anda****Untuk insurans hayat ini, anda mesti membayar premium sebanyak:**

Premium	RM0.65 bagi setiap RM100.00 daripada jumlah baki tertunggak seperti yang ditunjukkan dalam penyata kad kredit bulanan Hong Leong Bank Berhad anda. <ul style="list-style-type: none">Jumlah premium yang perlu anda bayar adalah berbeza-beza bergantung kepada jumlah baki tertunggak seperti yang ditunjukkan dalam penyata kad kredit bulanan Hong Leong Bank Berhad. Premium akan didebitkan secara automatik daripada akaun kad kredit anda setiap bulan pada tarikh penyata kad kredit anda dan bukan pada tarikh akhir pembayaran.Premium adalah tidak terjamin. Hong Leong Assurance Berhad berhak untuk menyemak semula premium pada bila-bila masa dengan memberi anda sekurang-kurangnya 90 hari notis bertulis.Baki tertunggak merujuk kepada baki dalam penyata bil kad kredit terkini bagi kad kredit tertentu (penyata kad kredit utama dan kad kredit tambahan, jika berkenaan) Ahli Diinsuranskan, jumlah yang belum dibil (bagi Skim Pembayaran Mudah, kad maya, wang mudah alih, pemindahan baki termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana kemudahan masa depan lain yang dikaitkan dengan kad kredit Ahli Diinsuranskan dengan Hong Leong Bank Berhad), yuran dan caj (termasuk faedah bayaran lewat), transaksi runcit atau tunai, dan semua baki debit lain dalam akaun tersebut.
---------	---

Tempoh: Secara bulanan sekiranya terdapat baki tertunggak dalam akaun kad kredit anda pada tarikh penyata kad kredit anda dan boleh diperbaharui sehingga umur 65 tahun

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Jumlah Komisen	10.00% daripada premium bulanan .
Caj lain yang berkenaan	Cukai Perkhidmatan (jika berkenaan).

4**Terma Utama Lain**

- Anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur anda yang betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan.
 - Anda harus memastikan bahawa polisi ini akan memenuhi keperluan anda dan bahawa premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini adalah jumlah yang mampu anda bayar.
- Nota:** Senarai ini **tidak lengkap**. Anda harus merujuk kepada Risalah Maklumat Produk, sijil jaminan atau polisi induk (daripada perantara jualan anda) untuk senarai penuh terma dan syarat.

?**Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- Tempoh bertenang:** Anda boleh membatalkan polisi anda dalam tempoh 15 hari selepas polisi anda diserahkan kepada anda. Premium yang telah anda bayar (tolak sebarang perbelanjaan perubatan yang dikenakan) akan dikembalikan kepada anda.
- Selepas tempoh bertenang:** Anda boleh membatalkan polisi anda dan pembatalan polisi ini akan berkuatkuasa mulai tarikh pengebilan berikutnya bagi kad kredit anda.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Hong Leong Assurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

NOTA PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS POLISI YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.